

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[PANDAN]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian jumlah bantuan kewangan yang telah diberikan kepada petugas barisan hadapan dan jumlah penerima bantuan tersebut, mengikut kategori sektor pekerjaan dan profesion masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, dalam Pakej Rangsangan PRIHATIN, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi Elaun Khas COVID-19 – Petugas Barisan Hadapan di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Elaun khas akan dibayar sehingga berakhir wabak COVID-19 dan kadarnya adalah sebanyak RM600 sebulan bagi petugas kesihatan dan RM200 bagi petugas-petugas lain yang layak tertakluk kepada arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Sehingga 31 Oktober 2020, Kerajaan telah membelanjakan hampir RM300 juta untuk tujuan tersebut.

Selain itu, untuk tahun 2020, Kerajaan juga telah membayar bantuan khas kewangan sebanyak RM500 sebanyak dua kali bagi pegawai Kerajaan gred 56 & ke bawah, menjadikan setiap penjawat awam termasuk anggota barisan hadapan menerima RM1,000 seorang.

Sebagai tambahan juga, Kerajaan melalui Ucapan Belanjawan 2021 telah bersetuju untuk memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM600 kepada pegawai Kerajaan Gred 56 & ke bawah dan khusus untuk Petugas Barisan Hadapan Kesihatan pemberian one-off sebanyak RM500 bagi menghargai jasa anggota barisan hadapan yang dijangka memanfaatkan 100 ribu petugas kesihatan.

Sekian, terima kasih.